

# 8 disyaki sogok penguat kuasa

Lima warga tempatan antara didakwa lindungi aktiviti perniagaan warga asing

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi dan Hafidzul Hilmi Mohd Noor  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kuala Lumpur menahan lima warga tempatan, dua warga asing dan seorang pemastautin tetap (PR) kerana disyaki menyogok penguat kuasa sebagai balasan melindungi aktiviti perniagaan warga asing yang menggunakan lesen Ali Baba, di sini semalam.

Kesemua suspek membabitkan enam lelaki dan dua wanita berusia lingkungan 30 hingga 50-an ditahan dalam operasi khas Op Star dijalankan SPRM yang turut mendapat kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Operasi selama tiga jam bermu-

la jam 11.30 pagi itu diadakan bersama pegawai dan anggota SPRM Kuala Lumpur serta DBKL yang turut mengeluarkan kompaun atas kesalahan dilakukan premis diperiksa.

Tindakan diambil susulan pendedahan eksklusif *Harian Metro* bermula 7 Jun lalu di muka depan bertajuk, *Wang Ekspres* dan satu lagi, *Ali Baba kebal* yang disiarkan pada Selasa lalu, mendedahkan warga asing mendominasi perniagaan di Lembah Klang dan berselindung di sebalik lesen warga tempatan.

Antara premis yang diperiksa dalam operasi ini membabitkan premis menjalankan perniagaan kedai runcit, kedai pakaian, kedai aksesori telefon, kedai makan dan kedai gunting rambut.

Menurut sumber, hasil risikan Bahagian Perisikan SPRM sejak enam bulan lalu mendapati, kesemua suspek yang bertindak sebagai penjaga premis ini membayar sejumlah wang rasuah antara RM200 hingga RM1,000 kepada beberapa penguat kuasa pihak berkuasa tempatan bagi membolehkan aktiviti perniagaan mereka beroperasi tanpa dikenakan tindakan undang-undang.

“Premis perniagaan dijalan-

kan warga asing ini bukan sahaja beroperasi dengan menggunakan lesen Ali Baba, iaitu lesen milik warga tempatan, namun turut menggajikan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang mana jelas menyalahi undang-undang.

“Selain itu, ada premis ini dikesan menyalahgunakan lesen dengan menjalankan aktiviti perniagaan berbeza dengan aktiviti lesen yang diberi,” katanya.

## Bocor maklumat operasi

Sumber berkata, wang rasuah berkenaan juga sebagai balasan bagi membocorkan sebarang maklumat operasi penguatkuasaan kepada mereka.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Fauzi Husin, ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terhadap kesemua suspek dan kes disiasat mengikut Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009.

Katanya, kesemua suspek akan dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, hari ini bagi proses pertuduhan.

Wartawan yang turut mengikuti operasi terbahit mendapati, satu penjaga premis memiliki lebih daripada empat premis menjalankan perniagaan kedai makan, ke-



Orang tengah yang disoal siasat oleh penguat kuasa DBKL dipercayai memberikan rasuah pada Operasi Khas SPRM dan DBKL.

(Foto Genes Gulitah/BH)

dai runcit, kedai gunting rambut dan kedai pakaian.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Penguatkuasaan (JPK) DBKL, Mohd Muzammer Jamaluddin, berkata operasi ini dijalankan bersama dengan SPRM Kuala Lumpur bertujuan mendapatkan maklumat serta mengenal pasti aktiviti perniagaan

yang dimiliki atau dikendalikan warga asing.

“Pada masa sama, JPK DBKL turut melaksanakan tindakan khas ke atas aktiviti perniagaan warga asing melalui rondaan secara harian,” katanya ketika ditemui pada Op Star dijalankan di Jalan Padang, Bukit Bintang, di sini semalam.